

☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu
Tarikh: 22/5/2012
Hari: <u>SELASA</u> M/S: 10
Ruangan: <u>NASIONAL</u>

Galak pengamal akademik salur ilmu

SINTOK: Pengerusi Media Prima Bhd, Datuk Johan Jaaffar (kiri) mengalu-alukan penyertaan golongan akademik menyalurkan ilmu dan pengetahuan kepada media bagi membolehkan ia dikongsi bersama masyarakat.

Katanya, langkah ini sekali gus memberi manfaat terhadap pembangunan negara.

Beliau yang menerima wafikah pelantikan sebagai Profesor Adjung Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC) Universiti Utara Malaysia (UUM), di sini, berkata sumbangan idea pengamal akademik penting dan mampu mewarnai serta memberi nilai tambah terhadap penerbitan media untuk dimanfaatkan masyarakat secara menyeluruh.

"Bagi Media Prima, penerbitan bahan untuk tatapan umum bukan hanya berorientasikan perniagaan kerana dalam masa sama, ia juga ada peranan dan tanggungjawab tersendiri untuk menyumbang terhadap masa depan negara.

"Dua teras amat penting bagi negara dalam proses kematangan rakyat adalah melalui kekuatan akademik serta ilmu dan pada satu pihak lain, keupayaan media menjadi satu hala tuju utama untuk menyampaikannya kepada masyarakat.

"La asas kepada masyarakat sivil iaitu sebuah masyarakat terpelajar dan mendokong tradisi itu. Saya percaya apa dilakukan institusi pengajian

tinggi (IPT) ketika ini untuk mencari kejernihan antara bidang media dan akademik bagi manfaat kedua-dua pihak dan masyarakat," katanya selepas melancarkan SMMTC di kampus UUM, di sini, semalam.

Hadir sama, Naib Canselor UUM, Datuk Prof Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Johan berkata, persoalan bagaimana cara IPT dan media saling berhubung dalam perkara itu sering menjadi perdebatan.

Bagaimanapun, beliau berkata, kumpulan sarjana ini mahu menyampaikan pengetahuan mereka untuk mudah difahami pembaca kerana dalam setiap bidang akademik, pasti ada gaya lingo tersendiri yang kebanyakannya hanya difahami disiplin tertentu.

Katanya, ketika ini sumbangan kelompok ilmunan dalam penerbitan dan media elektronik lebih baik berbanding sebelum ini dan media dilihat mampu menjadi pengantara antara disiplin ilmu dan pembaca.

"Di Media Prima, kita menggunakan semua platform sama ada elektronik dan media cetak. Paling penting, kita dapat memungkinan sarjana turun padang bercakap dengan bahasa mudah difahami pembaca atau penonton.

"Kita tidak pernah mengandai-kan penerbitan popular itu hanya dibaca kelompok tertentu saja tetapi mengharapkan sumbangan ilmunan dapat beri manfaat terhadap penerbitan popular," katanya.